خُلَاصَةُ الْكَلَامِ

فِيْ بَيَانِ
أَحْكَامِ الصِّيَامِ

(Percakapan Yang Ringkas Pada Menerangkan Hukum-Ahkam Dalam Berpuasa)

Himpunan

Mohamad Naim Saidi

Asy-syafie

Guru Maahad Darul Faqeh

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الذي فرض علينا صيام رمضان، و جعل في هذا الشهر مليءا بالمغفرة و الرضوان، و جعله سببا لدخولنا الجنان و بعدنا من النيران، و أصلى و أسلم على سيدنا محمد صاحب شفاعة العظمى الذي أنزل عليه شهر رمضان، و على آله الطاهرين و أصحابه أجمعين أما بعد.

Ini ialah sebuah nota yang ringkas lagi bermanfaat in sya Allah untuk segala sahabat-sahabat yang mahu untuk memahami hukum ahkam berpuasa In sya Allah, saya tuliskan sempena dengan daurah puasa yang akan diadakan di Masjid As-siddiq Taman Iskandar Perdana, Perak. Semoga nota ini memadai bagi sesiapa yang ingin sempurna puasanya, saya himpunkan dari beberapa kitab sahaja kerana maksud ialah ringkasan dan tidak banyak menyentuh khilaf kerana bukan maksud dari nota ini untuk kritikan, tetapi sebuah pengamalan, melainkan pada keadaan tertentu saya akan sebutkan beberapa khilaf sebagai sebuah kemudahan dalam amalan.

Bagi ahli ilmu yang membaca dan menjumpai kesalahan dalam maklumat, maka ubahlah ia, kerana kita sudak maklum, Allah mengabaikan untuk menjadikan kerja manusia sebagai kerja yang maksum, dan Allah memilik kalamnya sebagai kitab yang maksum.

Penulis: Mohamad Naim Saidi

Dalil tentang puasa dari Al-quran dan Hadith:

Firman Allah:

يَآ أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa." (QS. Al-Baqarah, Ayat 183).

Sabda Rasulullah solla Allahu alaihi wasallam:

مَنْ صَامَ يَومًا مِنْ رَمَضَانَ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَ مَا تَأَخَّرَ، فَإِذَا تَمَّ رَمَضَانُ لَا يُكْتَبُ عَلَيْهِ ذَنْبٌ إِلَى الْحَوْلِ الْآخَرِ، فَإِنْ مَاتَ قَبْلَ رَمَضَانَ آخَرَ جَآءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَ لَيْسَ عَلَيْهِ ذَنْبٌ.

Sesiapa yang berpuasa satu hari di bulan ramadhan, diampunkan baginya apa yang terdahulu dan yang terkemudian dari dosanya, maka apabila telah sempurna Ramadhan, tidak ditulis dosa ke atasnya sehingga pada tahun yang lain, maka jikalau ia meninggal sebelum Ramadhan yang lain, ia akan datang pada hari qiamat dan tidak ada dosa ke atasnya. (dinukil dari kitab Lubab Hadith Imam Suyuthi)

Makna Puasa

Puasa : Dari segi bahasa bermaksud menahan.

Dari segi syarak bermaksud: menahan diri dari syahwat zahir (makan atau minum) dan syahwat batin (jima') dari terbit fajar sodiq (waktu subuh) hingga tenggelam matahari (waktu maghrib) dengan niat mendekatkan diri kepada Allah.

Puasa disyariatkan pada bulan sya'ban tahun kedua hijrah dan Rasulullah sempat berpuasa selama 9 tahun.

Ramadhan: maknanya panas, ini kerana di bulan puasa cuaca terlalu panas.

Diantara nama-nama bulan ramadhan: bulan Al-quran, bulan pengampunan, bulan kemuliaan, bulan rahmat dan banyak lagi.

Hikmah disyariatkan puasa: penghambaan diri kepada Allah, menguatkan ruh, melatih diri untuk bersabar dan melawan nafsu, menjaga badan dari penyakit dan menunjukkan penyatuan umat islam.

Kelebihan puasa: Allah redha kepada orang yang berpuasa, doanya diterima sepanjang hari, puasa akan memberi syafaat kepadanya pada hari qiamat, puasa menguatkan iman, bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi dari kasturi, malaikat memohon keampunan untuknya sehingga dia berbuka, di- jauhkan daripada api neraka, diangkatkan darjat, menghapuskan dosa, mematahkan syahwat, sihat tubuh badan, sihat akal dan banyak lagi.

Amalan-amalan tambahan yang boleh dilakukan di dalam bulan Ramadhan: memberi makan pada orang yang berpuasa, beriktikaf di masjid, solat terawih, membaca Al-quran, melazimi pengajian ilmu.

Syarat Wajib Puasa Ramadhan

Atau

Tanda Masuknya Bulan Ramadhan

Baginya ada 5:

- **iaitu [1] sempurnanya bilangan bulan Sya'ban 30 hari:**berdasarkan hadith Sayyidah Aisyah.

  Kata Syiekh Nawawi: sempurnanya bilangan Sya'ban ialah berdasarkan Ru'yah, bukan dari pengiraan.
- **[2]** ***melihat hilal*** **(anak bulan) pada hak orang yang melihatnya meskipun ia fasiq:** iaitu pada hak dirinya jika memang benar ia melihat anak bulan. Dilihat anak bulan itu pada malam 30, di waktu malam, jika tidak terlihat anak bulan maka perlu menyempurnakan bulan sya'ban 30 hari.

  Berkata Syiekh Nawawi yang ia nukilkan dari Syiekh Suwaifi: tanda yang menunjukkan masuknya ramadhan seperti menghidupkan pelita yang digantung di menara-menara, atau pukul gendang, dan seumpamanya dari apa yang berjalan adat dengannya menjadi hukum ru'yah.
- **[3] thabitnya ia pada hak orang yang tidak melihatnya tetapi dengan persaksiannya adil (jujur):** dan disyaratkan ianya dengan hukum dari hakim, tidak memadai dengan penyaksian orang yang adil itu.
- **[4] khabar dari riwayat orang adil yang terpercaya sama ada jatuh di hatinya percayakan orang itu atau tidak, atau tidak terpercaya jika jatuh di hatinya mempercayainya (orang tersebut):** maka ini juga menjadi penyebab wajib puasa.

- **dan [5] sangka masuknya Romadhon dengan ijtihad bagi orang yang samar ke atasnya hal tersebut:** seperti orang yang terpenjara dan tidak tahu tanda masuk ramadhan.

  Dinukilkan dari Imam Bajuri: jika ia tidak tahu tanda masuk ramadhan kerana ia terkurung maka ia hendaklah berijtihad, maka apabila sangkaannya dengan ijtihad menunjukkan masuk ramadhan maka ia berpuasa, jika tidak tepat dan terlepas maka itu dihitung qodho, jika ia berpuasa sebelum waktu maka ia dihukum sunat.

Masalah:

- tidak wajib berpuasa jika orang pakar bintang mengatakan kepada kita bahawa sudah masuk waktu ramadhan, tetapi pada hak pakar bintang itu maka ia wajib berpuasa.
- Jika ada orang mengatakan bahawa ia melihat Nabi berkata kepadanya bahawa sudah masuk ramadhan maka tidak wajib mengikut katanya itu, bukan kerana menolak atau syak pada mimpinya tetapi kerana ketiadaan dhobit dari orang yang melihat.
- Apabila dilihat anak bulan ditempat yang lain dan tidak dilihat orang ahli di kawasan yang lain darinya, maka tidak wajib puasa yang ahli kawasan yang kedua itu melainkan:
  - Jika sama tempat terbitnya matahari dan bulan: ini mengikut ulama falak.
  - Jika jarak antara dua tempat itu sekitar 24 farsakh yang bersamaan 267 km[1] dari mana-mana arah sekalipun: ini mengikut Fuqoha'.

[1] Kiraan farsakh ini saya ambil dari kitab Imta Najib himpunan guru kami Syiekh Hisyam Al-kamil, lalu saya darabkan dengan 24, maka terhasillah jumlah ini.

- Jika ia berpuasa di tempat lain lalu ia berpindah ke tempat lain maka hendaklah ia mengikuti orang di tempat itu pada waktu puasanya sekalipun ia pada hakikatnya telah berpuasa 30 hari kerana ia dikira ahli bagi tempat itu.
- Jika ia pergi ke suatu tempat lalu di sana telah raya maka jika ia baru berpuasa selama 28 hari maka ia perlu qodho sehari, dan jika ia telah berpuasa selama 29 hari maka ia tidak perlu qodho lagi.

Syarat Sah Puasa

Syarat sah puasa ada 4: sama ada puasa itu wajib atau sunat, iaitu:-

- **Islam:** maka tidak sah puasa orang kafir.
- **Berakal:** tidak sah puasa orang yang gila atau tidak sampai had mumayyiz.
- **suci dari semisal haidh:** tidak sah puasa dari mereka yang ada haidh dan nifas.
- **dan tahu keadaan waktu itu menerima (sah) bagi puasa:** iaitu ia tahu bahawa puasa pada waktu itu tidak haram, maka jika ia berpuasa pada 5 hari yang diharamkan maka hukumnya haram dan tidak sah.

  Tambahan: 5 hari yang diharamkan puasa:

  - hari pertama raya puasa.
  - Hari pertama raya haji.
  - 3 hari tasyriq (11,12 dan 13 zulhijjah) yang difahami dengan raya kedua sehingga raya keempat dari raya haji.

SYARAT WAJIB PUASA

Syarat wajib bermaksud mereka yang mempunyai syarat ini sahaja yang wajib berpuasa, adapun yang kurang pada dirinya satu syarat daripada syarat-syarat yang disebutkan maka ia tidak wajib berpuasa. Adapun tentang sah atau tidak maka adakala membawa kepada sah dan adakala tidak sah.

syarat wajib puasa ada 5, iaitu:

1) **Islam:** maka termasuk padanya murtad. Orang murtad wajib puasa tetapi tidak sah puasa melainkan dengan kembalinya ia kepada islam. Oleh itu orang murtad yang tidak berpuasa maka wajib ke atasnya untuk qadha puasa yang telah ia tinggalkan ketika murtadnya, ini berbeza dengan orang yang kafir, ia tidak wajib berpuasa.
2) **taklif:** iaitu baligh dan berakal.
3) **Mampu:** maka tidak wajib ke atas orang yang tidak mampu berpuasa kerana tua dan orang yang sakit yang dibolehkan baginya untuk tayammum.
4) **Sehat:** dan tidak wajib bagi orang yang sakit.
5) **dan mukim:** sekalipun ia bukan mustautin maka ini berbeza dengan solat jumaat yang mana ia tidak terhitung dari ahli jumaat. Keluar dari ini jika ia orang yang musafir dengan safar yang panjang iaitu safar yang membolehkan untuk qasar, maka ia boleh untuk tidak berpuasa jika ia keluar dari kawasannya sebelum subuh. Adapun jika ia keluar setelah subuh maka ia wajib berpuasa kerana sudah termasuk dalam ahli yang wajib puasa.

<u>RUKUN PUASA</u>

Rukun puasa ada 3: dan ini yang masyhur sebagaimana yang dinukilkan dari Imam Ziyadi.

1) **iaitu niat di malam hari setiap hari untuk puasa fardu:** dan tempatnya ialah hati. Bagi niat ada rukunnya:

    - Tabyit: iaitu niat pada malam dan bermula waktunya dari waktu maghrib sehingga waktu subuh. Berkata Imam Ziyadi: jika ia berniat pada malam pertama itu untuk puasa sebulan Ramadhan maka yang sah hanyalah untuk hari pertama sahaja. Tetapi perkara ini perlu dijaga kerana jika ia lupa niat pada malam itu maka ia boleh taqlid mazhab Maliki, begitu juga jika ia lupa niat pada malam hari maka ia sepatutnya niat pada awal hari kerana bertaqlid pada mazhab Hanafi dan begini caranya ialah sah. Tetapi jika ini tidak dilakukan lalu ia melakukan ibadah puasa maka tidak sah dan haram.
      Jika ia syak sama ada niat yang dilakukannya itu sebelum subuh atau selepas, maka puasanya tidak sah.
      Tetapi jika ia niat lalu syak sama ada sudah masuk subuh atau belum maka sah puasanya.
      Ini semua jika puasanya itu puasa yang fardu, adapun jika puasa itu puasa sunat maka memadai jika ia niat di siang hari sehingga sebelum zawal (zuhur), dengan syarat belum terjadi apa-apa yang menafikan puasa sebelum niat seperti makan, jima’, haidh, nifas dan gila. Jika datang perkara ini maka tidak sah puasa.

Kata Imam Ramli: jika pada pagi itu ia tidak niat puasa, lalu ia berkumur dengan tidak berlebihan lalu sampai air melepasi rongganya, lalu ia niat puasa sunat, hukumnya sah.

Begitu juga jika segala perkara yang tidak batal puasa terjadi kepadanya sebelum niat maka sah puasanya, seperti makan dan minum kerana dipaksa. Untuk masalah ini Syiekh Nawawi menukilkan dari Imam Nawawi dengan katanya: *ini ialah masalah yang bernilai, saya mencarinya bertahun sehingga aku mendapatinya maka kepada Allah lah segala pujian itu.*

Tambahan: jika ia niat puasa ketika ia solat, hukumnya sah.

- Ta'yin: iaitu menetapkan atau menentukan bahawa dia berpuasa Ramadhan, tidak memadai jika ia niat untuk berpuasa "esok hari" sahaja. Tidak disyaratkan untuk ia niatkan fardu atau tunai atau "lillah taala" atau niatkan "tahun", tetapi jika ia lakukan juga dan tersalah maka hukum seperti berikut:
  - Jika ia tahu dan sengaja: tidak sah puasa kerana ia dianggap bermain-main.
  - Lupa atau jahil: hukumnya sah.
- Tikrar (ulang) - iaitu mesti diulang niatnya setiap malam kerana setiap hari adalah ibadah yang tersendiri. Adapun niat sebulan adalah mazhab Maliki dan bukan mazhab Syafie.

  Niat ini menjadi wajib dengan syarat di atas jika puasa itu puasa wajib.

  Termasuk dalam puasa wajib ialah: ramadhan, nazar, qadha, kaffarah, anak kecil yang berpuasa dan juga istisqa (dengan perintah imam).

  Lafaz niat puasa seperti berikut:

Lafaz niat puasa:

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ شَهْرِ رَمَضَانَ لِلهِ تَعَالَى

Ertinya: sahaja aku berpuasa esok hari bagi menunaikan fardu bulan Ramadhan kerana Allah ta'ala.

Lafaz niat puasa hukumnya ialah sunat kerana ia membantu hati dalam meng-isbatkan niat.

2) **meninggalkan pembatal-pembatal saat ingat dan keinginan sendiri tanpa jahil dan uzur:** iaitu meninggalkan segala perkara yang membawa kepada batalnya puasa yang mana ia tinggalkan itu dalam keadaan ia memang ingat yang ia sedang berpuasa, lalu ia berhak memilih atau tidak keterpaksaan serta tidak jahil yang jahilnya itu jahil yang diberikan keuzuran .

- keluar dari permasalahan "ingat": jika ia lakukan dengan sebab lupa, maka puasanya tidak batal.
- Keluar dari permasalahan "tidak keterpaksaan": jika ia terpaksa untuk melakukan perkara yang membatalkan puasa.
- Keluar dari permasalahan "tidak jahil"**:** jika ia lakukan dalam keadaan ia ada ilmu.
- Keluar dari permasalahan "jahil yang diberikan keuzuran": jika jahilnya itu tidak diberikan keuzuran. Misal jahil yang diberikan keuzuran ialah ia baru memeluk agama islam, atau tinggal di tempat jauh dari ulama dan yang termasuk dalam keuzuran juga ialah muntah yang tidak mampu menahan.

  Saya katakan: zaman sekarang banyaknya pengajian agama baik secara offline atau online maka tidak lagi diberikan keuzuran bagi orang-orang untuk mengatakan yang ia tidak tahu.

- Keluar dari permasalahan "muntah yang tidak mampu menahan": jika ia sendiri berusaha mengeluarkan muntahnya sekalipun ia tidak menelan kembali sisa baki muntahnya tersebut

  Masalah:

  - Rokok membatalkan puasa.
  - Jika ada zakar atau faraj yang terpotong lalu dimasukkan oleh seseorang ke dalam kemaluannya baik lelaki atau perempuan maka tidak dikenakan apa-apa terhadap pemilik kemaluan yang terpotong itu. Kata Syiekh Nawawi: ini berbeza dengan apa yang disangka oleh orang-orang yang bodoh dari kalangan pelajar.

3) **dan orang yang berpuasa:** sebahagian ulama tidak menghitung ini sebagai rukun, tetapi di sini menjadikan orang yang berpuasa itu sebagai rukun dan jika mahukan penjelasan maka kembalilah kepada "asal" iaitu Kasyifah, maka di sana ada beberapa masalah yang tidak saya masukkan kerana merasa terlalu banyak. Wa Allahu a'lam.

Perkara Yang Sunat Ketika Berpuasa

Ada banyak perkara yang disunatkan untuk dilakukan ketika berpuasa, di antaranya:

a. Menyegerakan buka puasa iaitu bila mendengar “ALLAHU AKBAR” pada azan maghrib langsung ia makan.

b. Melambatkan makan sahur.

c. Meninggalkankan percakapan-percakapan yang mungkar.

d. Memperbanyakkan membaca Al-quran.

e. Memperbanyakkan zikir.

f. Memperbanyakkan sedekah.

g. Beriktikaf di masjid.

h. Bertahajjud di malam hari.

Perkara Yang Harus Ketika Berpuasa

Ada beberapa perkara yang hukumnya ialah harus iaitu boleh ketika berpuasa, antaranya:

a. Mandi pada siang hari.

b. Menelan air liur.

c. Memakai wangi-wangian atau menciumnya dengan cara tidak berlebihan.

d. Menggunakan siwak di lain waktu melainkan selepas zuhur hingga berbuka puasa.

e. Tidur di siang hari.

Perkara Yang Makruh Ketika Berpuasa

Ada beberapa perkara yang dihukumkan makruh ketika berpuasa, antaranya ialah:

a. Melambatkan buka puasa.

b. Mengawalkan makan sahur.

c. Berlebihan dalam berkumur.

d. Mencium isteri di pipi atau di mulut.

e. Merasa makanan tetapi tidak menelan dan meludah kembali.

f. Menggunakan sugi selepas zuhur.

g. Bersangatan dalam memakai wangi-wangian dan bersangatan dalam mencium wangi-wangian.

Pembatal Puasa

pembatal bagi puasa ada 11:

1) **Murtad:** iaitu keluar dari islam.
2) **Haidh:** sekalipun sedikit.
3) **Nifas:** sekalipun sedikit.
4) **Beranak:** kerana illahnya keluar mani, sekalipun ianya berbentuk darah atau daging, kerana ia asal dari mani.
5) **gila meskipun sebentar:** kerana tidak menjadi ahli bagi puasa, sama ada sengaja atau tidak.

Tanbih: semua dari murtad sehingga gila, jika terjadi walaupun sedetik pada siang hari maka ia membatalkan puasa.

6 & 7) pengsan dan mabuk yang ia sengaja dengannya jika memenuhi sekalian hari: dan bagi hal ini ada perincian. Jika:

- Ia tidak sengaja dan tidak memenuhi seluruh siang hari: tidak batal dengan ittifaq.
- Ia tidak sengaja dan memenuhi seluruh siang harinya: batal.
- Ia sengaja dan memenuhi seluruh siang: batal dengan ittifaq.
- Ia sengaja dan tidak memenuhi siang harinya: batal di sisi Ibnu Hajar, tidak batal di sisi Imam Ramli.

Adapun orang yang tidur sekalipun ia sepanjang hari maka tidak membatalkan puasa. (Kasyifah)

Faedah: orang haidh dan nifas apabila telah suci hari keuzuran mereka di siang Ramadhan tersebut, sunat bagi mereka untuk menahan dari pada hari tersebut.

8) **Memasukkan sesuatu ke dalam rongga yang terbuka:** seperti mulut (melepasi rongga), hidung (melepasi rongga hidung), qubul dan dubur (sekalipun sedikit), telinga (melepasi tulang dalam) atas

satu pandangan dan payudara (jika dimasukkan di tempat keluar susu).

9) **Muntah:** dengan sengaja.
10) **Jima:** sebagaimana telah disebutkan dalam bab lalu.
11) **Keluar mani:** dengan sebab selain jima, seperti onani. Adapun mimpi atau melihat perempuan lalu keluar mani maka tidak batal.

Dan semua ini disyaratkan sengaja, tahu dan dengan pilihan sendiri.

Tatimmah: pembatal puasa terkini: ini diambil dari kitab Mufatthirat Mua'soroh karya Dr Labib Najib.

- inhaler: batal.
- Rokok: batal.
- Syisya: batal. Termasuk vape.
- Ubat demam yang dimasukkan ke dalam dubur: batal.
- Belon air kencing: batal.
- Alat yang dimasukkan kepada orang yang sakit melalui rongga: batal.
- Alat kencing orang sakit: batal.
- Rasa makanan: tidak batal.
- Menghidu bauan: tidak batal.
- Derma darah: tidak batal.
- Ambil darah untuk di cek: tidak batal.
- Bekam: tidak batal.
- Menggunakan krim: tidak batal.
- Meletakkan pelekat yang mengawal kehamilan: tidak batal.
- Titisan ke dalam telinga: muktamad batal, pandangan yang lain dan ia kuat juga mengatakan tidak batal (iaitu pandangan Imam Ghazali).
- Titisan ke dalam mata: muktamad tidak batal.

- Suntik: pandangan yang paling kuat tidak batal, secara mutlaq (mengikut pandangan Dr Hasan Hito).
- Suntik bius: batal jika terjadi sepanjang hari.
- Arabic gum: batal jika telan airnya.
- pil yang diletak di bawah lidah: batal jika ditelan air liurnya.
- Tembakau yang diletak dalam mulut: batal jika ditelan air liur.
- Berenang: batal jika air masuk ke dalam mana-mana rongga.
- Ubat gigi: batal jika bercampur dengan air liur lalu ia telan air liur itu.
- Apa yang berada di celah-celah gigi: batal jika ia telan dengan sengaja.
- Pelembab bibir: tidak batal.
- Menggunakan ubat yang menghalang datang nya haidh: boleh.

QODHO DAN KAFFARAH

Fasal ini membahaskan tentang hukuman yang dikenakan ke atas orang yang tidak perpuasa.

1) **Wajib disertai mengqodho puasa, membayar kafarah Uzh'ma dan ta'zir atas orang yang merosakkan puasanya di bulan Romadhon sehari penuh dengan jima yang sempurna, juga dia berdosa karena itu bagi puasa:** iaitu orang yang membatalkan puasanya dengan jima' maka hukumannya sebagaimana yang di atas tersebut. Hukuman ini khusus baginya, adapun bagi orang lain yang membatalkan puasanya dengan perkara lain kemudian baru ia jima' maka ia tidak dikenakan hukuman ini, begitu juga orang yang membatalkan puasanya dengan mengeluarkan mani (onani) maka tidak dikenakan hukuman ini juga.

   Tidak dikenakan kaffarah ini juga bagi mereka yang membatalkan puasa dengan jima yang mana puasa itu sama ada puasa wajib seperti qadha dan nazar atau puasa sunat, yang penting bukan pada bulan Ramadhan.
   Juga tidak dikenakan hukuman ini mereka orang yang melakukan zina pada bulan puasa dan ia ialah musafir kerana ia hakikatnya diberikan keringanan untuk tidak berpuasa, tetapi ia berdosa dan perlu bertaubat.
   Ini berbeza dengan orang yang ianya mukim lalu bermusafir (setelah siang) dan dalam perjalanannya ia melakukan hubungan kelamin maka ia dikenakan kaffarah kerana ia sudah menjadi ahli puasa pada hari itu.
   Hukuman ke atasnya secara tafsil:

Pertama: wajib memerdekakan seorang hamba yang tidak ada cacat cela dalam melakukan kerja. Jika tidak mampu,
Kedua: puasa dua bulan berturut-turut. Terputus berturut-turut itu bila ia tidak berpuasa pada satu hari sekalipun kerana sakit. Jika tidak mampu,
Ketika: beri makan kepada 60 orang miskin dan bagi setiap orang miskin sebanyak 1 mudd (600 gram).

2) **Wajib berserta qodho ialah imsak (menahan diri) bagi puasa dalam 6 tempat:** iaitu wajib menahan diri dari makan dan minum pada bulan ramadhan bagi orang yang telah batal puasanya dan diwajibkan qadha, disebabkan 6 perkara yang akan disebutkan.

iaitu [A] di Ramadhan tidak di selainnya bagi orang yang sengaja membatalkannya: adapun pada puasa selain ramadhan sekalipun qadha maka tidak wajib untuk menahan diri jika kita membatalkan puasa tersebut dengan sengaja.
[B] orang yang tidak niat di malam hari pada (puasa) fardu: kerana ia mengambil sifat berkurang-kurang (tidak ambil berat). Hukum ini sama bagi mereka yang sengaja atau tidak. Adapun masalah qadha padanya:

- Jika ia sengaja tidak niat: wajib qadha puasa segera selepas ramadhan.
- Jika ia tidak sengaja: wajib qadha tetapi tidak secara segera.

Tambahan: kata Syiekh Nawawi dalam Kasyifah: boleh baginya untuk taqlid mazhab Hanafi untuk mengesahkan puasanya.

[C] atas orang yang sahur dengan dugaan masih malam padahal khilafnya: dengan alasan ia tidak mengambil berat. Hukum ini sama bagi mereka yang berijtihad atau tidak.

[D] atas orang yang berbuka dengan dugaan Maghrib padahal bersalahan dengannya juga: dan ini sebagaimana yang banyak terjadi di zaman sekarang kerana tidak tahu masuk waktu, sebagaimana dinukil oleh Kasyifah dari Syarqowi.

[E] atas orang yang jelas baginya hari ke-30 bulan Sya'ban, ternyata ianya dari Ramadhan: kerana hakikat hari itu memang diwajibkan puasa.

dan[F] atas orang yang terlanjur air yang berlebihan berkumur dan instinsyaq (memasukkan air ke hidung): kerana ia mengambil sikap lewa dalam hal ini, adapun jika air masuk itu bukan dari perbuatan yang berlebihan maka tidak membatalkan puasa sebagaimana akan datang dalam babnya nanti, in sya Allah.

Keluar dari semua 6 perkara ini: kanak-kanak yang baligh di siang hari, orang gila yang tersedar, orang kafir yang memeluk islam di siang ramadhan, orang musafir yang tidak berpuasa pada hari tersebut dan orang sakit yang hilang sakitnya itu selepas makan, tidak diwajibkan ke atas mereka untuk menahan diri pada hari tersebut, tetapi sunat sahaja.

Bagi budak yang baligh di siang itu dan ia dalam keadaan berpuasa, orang musafir yang sampai dan ia dalam keadaan berpuasa dan orang sakit yang hilang uzurnya dan ia dalam keadaan berpuasa, maka wajib ke atas mereka untuk menahan diri untuk berpuasa kerana sah puasa dari mereka.

Masalah: anak yang baru baligh pada siang puasa dan ia dalam keadaan berpuasa, lalu ia jima' maka ia dikenakan kaffarah.

Tanbih: orang yang diwajibkan menahan diri dalam 6 perkara yang telah dibahaskan, mereka haram untuk melakukan perkara yang membatalkan puasa, mereka juga makruh untuk melakukan

perkara yang makruh bagi orang yang berpuasa, dan mereka mendapat pahala dalam menahan diri tersebut. Perlu difahami bahawa mereka tidak dihitung berpuasa tetapi mendapat pahala kerana menahan diri dari melakukan perkara pembatal puasa yang lain pada hari itu.

Pembahagian Ifthor

Fasal ini akan membahaskan tentang jenis-jenis keadaan bagi orang yang tidak berpuasa dan hukumnya, dan ianya ada 4, iaitu:-

1) **wajib seperti wanita haidh dan nifas:** maka mereka haram untuk berpuasa.
2) **boleh (jaiz) seperti orang musafir dan orang sakit:** iaitu boleh berpuasa dan boleh untuk tidak berpuasa. Bagi orang yang sakit ada tiga keadaan dan hukumnya:

   - jika ia ragu-ragu dengan kemudaratannya yang kemudaratannya itu yang membolehkan tayammum, makruh ia berpuasa dan boleh untuk berbuka puasa.
   - Jika ia yakin bahawa dengan sebab puasa akan mendatangkan kemudaratan yang lebih maka haram ia berpuasa dan wajib untuk berbuka. Jika berpuasa juga maka berdosa dan jika dengan sebab puasanya itu ia mati, maka ia mati dalam keadaan berdosa.
   - Jika sakit itu sakit yang ringan seperti pening kepala, sakit telinga atau semisalnya maka ia tidak boleh berbuka, melainkan jika puasanya akan menambahkan kesakitannya maka ia boleh berbuka.

   tambahan: 6 jenis golongan yang dibolehkan untuk tidak berpuasa: musafir, orang sakit, orang tua yang lemah, orang yang hamil, dahaga yang membawa kepada kesukaran yang tidak tertanggung pada adat dan orang yang menyusukan anak.

3) **tidak dan tidak seperti orang gila:** dengan makna tidak haram, tidak makruh, tidak wajib dan tidak jaiz.
4) **dan haram seperti orang yang mengakhirkan qodho Ramadhan berserta mampu sehingga sempit waktu daripada puasa:** dan ia dalam keadaan tidak musafir. Hukumnya haram jika sudah sempit waktu untuk bertemu ramadhan dan ia belum qadha puasa tersebut, jadi baki masa yang ada wajib ia qadha puasanya.

Jenis-Jenis Ifthor

Bab ini akan membahaskan tentang apa yang melazimi orang yang tidak puasa itu, sama ada dikenakan fidyah dan qadha, atau qadha sahaja, atau fidyah sahaja atau tidak keduanya, lalu kata pengarang:

1) **Pembagian ifthor ada 4:** iaitu dengan apa yang melaziminya dari segi qadha atau fidyah.

2) **yang pertama: yang mewajibkan qadha dan fidyah, ada 2:** iaitu jika orang itu tidak berpuasa maka ia dikenakan fidyah dan diwajibkan untuk qadha juga.
   - **pertama berbuka karena takut orang lain:** iaitu takut ke atas orang lain seperti: menyelamatkan yang hidup yang muhtarom daripada terbakar atau lemas, berbuka kerana ingin menyusukan anak dan bukan kerana kemudaratan diri sekalipun anak yang disusu itu bukan anaknya.
   - **dan kedua "berbuka" dengan mengakhirkan qodho berserta mampu dari puasa sehingga datang Romadhon lain:** iaitu ia tidak qadha puasa yang ia tinggalkan sehingga datang ramadhan yang baru, maka ia dikenakan fidyah dan diwajibkan untuk qadha juga.
     Fidyah yang dikenakan ialah 1 mudd yang bersamaan 600 gram (mengikut Imta' Syiekhna)

   tentang masalah **fidyah** yang dikenakan ke atasnya ada perincian:

     - mengikut Taqrirat: dikenakan satu mudd secara mutlaq.
     - Mengikut Imta' Syiekhna: dikenakan 2 mudd kerana ia melambatkan dan kerana tidak puasa.

- Mengikut Kasyifah yang dinukilkan dari Syarah Manhaj: sama seperti kalam Syiekhna dengan Qaid bahawa orang itu mati dan ia asalnya mampu untuk berpuasa tetapi ia tidak berpuasa,ini jika tidak ada orang yang puasa untuknya, jika ada maka wajib satu mudd sahaja.

Saya katakan: Wa Allahu a'lam mana yang lebih tepat, akan tetapi mengambil pandangan Syiekhna mengikut Imta' lebih selamat, kerana jika benar ianya dua mudd maka kita sudah membayar, dan jika ianya satu mudd sahaja, maka satu mudd lagi dikira pahala sedekah.

Lalu setelahnya saya melihat kepada Imta' Najib karya Syiekhna bagi cetakan terbaru bahawa ia menyamai dengan apa yang diperkatakan oleh Taqrirat. Jika begini keadaannya maka kita katakana bahawa apa yang ada di dalam kasyifah ialah sebagai perincian kepada apa yang ada di dalam dua kitab yang lainnya. Wa Allahu a'lam.

3) **kedua: yang mewajibkan qadha tetapi tidak fidyah dan ini banyak (terjadi) seperti orang pengsan:** atau orang yang lupa untuk niat pada malam hari dan orang yang sengaja membatalkan puasanya dengan selain jima'.
4) **ketiganya: yang mengharuskan fidyah tanpa qodho dan ianya orang tua:** yang ianya sudah tidak mampu untuk berpuasa. Termasuk dalam kategori ini ialah orang sakit yang tidak diharapkan dapat sembuh.
5) **dan keempatnya: tidak (qadha) dan tidak (fidyah) dan ianya orang gila yang tidak sengaja dengan gilanya:** dengan makna tidak diwajibkan fidyah dan qadha, dan ini seperti orang gila yang tidak

sengaja untuk menjadi gila. Termasuk sepertinya ialah orang kafir asli yang memeluk islam dan anak-anak kecil.

Tatimmah: ketahuilah bahawasanya qadha puasa bagi semua permasalahan yang disebutkan ialah dengan tarakhi (iaitu tidak bersegera), melainkan orang yang berdosa dengan buka puasanya, murtad, orang yang sengaja meninggalkan niat pada malam hari (atas pandangan muktamad), maka mereka diwajibkan untuk qadha puasa dengan segera setelah habis Ramadhan.

Perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa

Baginya ada beberapa:

a. Bercelak di mata.

b. Menitiskan cairan di mata seperti ubat mata.

c. Suntik di anggota badan seperti di otot dan urat.

d. Mencium isteri di pipi atau di mulut dengan syarat tidak keluar mani.

e. Merasa makanan.

f. Puasa tanpa bersahur.

g. Muntah disebabkan sakit atau tidak sengaja.

h. Keluar mani disebabkan tidur atau berkhayal dengan perkara syahwat.

I. apa yang masuk ke rongga mulut karena lupa, tidak tahu, dipaksa: ini untuk pertama kedua dan ketiga, iaitu lupa, tidak tahu dan dipaksa. Maka sesiapa yang terjadi kepadanya salah satu dari ini atau kesemuanya sekali maka tidak membatalkan puasanya.

j. ludah yang mengalir di antara giginya dan tidak mampu untuk mengeluarkan kerana keuzuran: ini berbeza jika yang ia tidak uzur untuk mengeluarkannya seperti makanan, kahak (gelema) atau kopi.

Masalah: jika ia minum kopi sebelum subuh, lalu ia tinggalkan kesan kopi itu dalam mulutnya lalu setelah masuk subuh jika ia

telan air liur yang bercampur dengan kopi itu dan ia sebenarnya mampu untuk luahkan (ludahkan) maka batal puasanya.

k. apa yang sampai ke rongga mulut dan ia debu jalan: tidak kira ianya suci atau kotor. Adapun basuh mulut, jika ia sengaja membuka mulut maka wajib basuh, dan jika tidak sengaja buka mulut maka tidak wajib untuk membasuh mulutnya.

l. dan apa yang masuk ke dalamnya berupa ayakan tepung atau lalat yang terbang atau semisalnya: seperti nyamuk. Ini kerana sukar untuk mengelak darinya. Jika lalat itu memudaratkannya maka ia boleh untuk keluarkan lalat itu dan ia dihitung batal puasa dan wajib qadha, ini sebagaimana yang disebutkan Kasyifah yang dinukil dari Ibnu Hajar.

Kesempurnaan Puasa 1

Selain dari menjaga tubuh dari perkara yang dilarang, kesempurnaan puasa juga boleh dicapai dengan memperbanyakkan amalan-amalan soleh seperti berzikir, membaca Al-quran, solat terawih dan sebagainya, di bawah ini akan dihimpunkan beberapa amalan-amalan soleh yang boleh dilakukan pada bulan puasa bagi mencapat puasa yang sempurna.

1. Berzikir mengingati Allah: ia adalah amalan yang disukai oleh Allah dan dengan mengingati Allah menjadikan kita dekat dengan Allah dan jauh dari syaitan. Zikir sunat dilakukan pada mana-mana waktu dan di mana sahaja melainkan di dalam tandas. Barangsiapa yang berzikir sekali maka Allah memberikannya 10 kebaikan, menghapuskan 10 kejahatan dan memberikan 1 pohon di dalam syurga. Juga tidak ketinggalan untuk memperbanyakkan selawat ke atas Rasulullah kerana selawat ke atas Rasulullah merupakan tanda cinta kita kepadanya dan keuntungan buat kita. Selawat ke atas Rasulullah sekali, maka Allah memberikan rahmat kepada kita 10 kali, selawat ke atas Rasulullah 10 kali, maka Allah akan memberikan rahmat kepada kita 100 kali dan begitulah gandaannya.

2. Memberi makan kepada orang yang berpuasa: seperti menjamu orang yang berpuasa untuk makan di rumah kita atau di masjid dan ganjarannya ialah pengampunan dosa dan kebebasan dari neraka. Memberi makan diantara jalan yang cepat menuju ke syurga.

3. Solat terawih: solat terawih didirikan selepas solat isya’ pada bulan ramadhan dan hukumnya ialah sunat. Ianya boleh dilakukan secara berjemaah dan bersendirian akan tetapi berjemaah lebih afdhal.

Di antara kelebihannya ialah mendapat pengampunan dosa, menguatkan iman, menambah darjat di syurga.

Bilangan rakaat solat terawih dalam mazhab kita ialah 20 rakaat. Orang yang melakukan solat terawih 8 rakaat dikira sah, akan tetapi sebaiknya dilakukan dengan 20 rakaat.

Solat witir: ia adalah sunat muakkad. Dilakukan selepas melakukan semua solat sunat lainnya dan waktunya berakhir dengan masuknya waktu subuh.

Bilangan rakaatnya: sekurangnya 1 rakaat, kebiasaannya 3 rakaat , sebanyak-banyaknya 11 rakaat dan dilakukan dengan 2 rakaat 1 salam.

4. Tilawah Al-quran: membaca Al-quran ibarat berbicara dengan Allah dan jika mampu untuk mengkhatamkan bacaan Al-quran di bulan ramadhan maka itu lebih afdhal kerana ganjaran di bulan ramadhan lebih afdhal dari bulan-bulan yang lain.

5. Qiyamullail: waktu melakukannya selepas solat isya dan berakhir waktunya pada waktu subuh dan seafdhal-afdhal solat selepas solat fardu ialah qiyamullail.

6. Iktikaf: iktikaf ialah berada di dalam masjid dengan niat dan ganjarannya sangat besar di bulan puasa, lagi besar ganjarannya jika dilakukan pada 10 hari terakhir ramadhan.

Adab beriktikaf:

- menyibukkan diri dengan ketaatan seperti membaca Al-quran, berzikir dan belajar ilmu.

- Menghindari percakapan yang mungkar.

Perkara yang membatalkan iktikaf:

- Keluar dari masjid tanpa hajat.
- Jima'.
- Keluar darah haidh dan nifas.
- Murtad.
- Mabuk atau gila.

7. Lailatul qadar: malam ini adalah malam yang sangat agung kerana pada malam inilah diturunkan Al-quran keseluruhannya dari lauh-mahfuz ke Baitul-izzah yang terletak di langit pertama dan beribadat pada malam ini sama ganjarannya seperti beribadat sunat 1000 bulan (83 tahun dan 4 bulan).

Darjat-darjat orang yang berpuasa:

Kata imam Al-ghazali di dalam kitab Ihya' Ulumuddin, bagi orang yang berpuasa itu ada 3 darjat:

a. Puasa umum: iaitu puasa yang hanya menahan diri dari syahwat zahir dan batin.

b. Puasa khusus al-khusus: iaitu puasa hati dari segala keinginan duniawi dan tidak memikirkan apa-apapun dari hal dunia dengan menyerahkan segala keinginannya dan dirinya kepada Allah.

c. Puasa khusus: iaitu menahan anggota badan dari melakukan perkara-perkara yang mungkar dan menjauhi maksiat. Jadi bagi orang yang berpuasa itu untuk melakukan perkara ini, bukan sekadar menahan diri dari makan dan minum akan tetapi menahan seluruh anggotanya dari perkara yang berdosa.

Kesempurnaan Puasa 2

Diharapkan bagi orang yang berpuasa untuk makan dari makanan yang halal kerana makanan yang halal ialah berkat manakala makanan yang haram ibarat memakan api neraka. Juga diharapkan bagi orang yang berpuasa agar tidak makan sehingga terlalu kenyang hingga menyukarkannya atau menjadikannya rasa malas untuk beribadat. Ini kerana maksud dari puasa ialah untuk mematahkan syahwat kita dan berbuka puasa ialah untuk memberikan kita tenaga untuk melakukan ibadat di malamnya.

Selain dari puasa Ramadhan, kita digalakkan untuk berpuasa sunat kerana ianya akan mendekatkan diri kita dengan Allah dan menjauhkan kita daripada syaitan.

Di antara puasa-puasa sunat yang digalakkan ialah:

1. Berpuasa di hari Asyura dan Tasu'a: iaitu pada hari kesembilan dan kesepuluh dari bulan muharam.
2. Berpuasa 6 hari dalam bulan syawal selain dari hari raya pertama.
3. Berpuasa pada hari Arafah bagi orang yang tidak mengerjakan haji (hari kesembilan pada bulan zul-hijjah).
4. Berpuasa pada hari isnin dan khamis pada setiap minggu.
5. Berpuasa tiga hari iaitu pada hari ke-13, 14, 15 pada setiap bulan hijrah.
6. Berpuasa pada hari pertama hingga hari kesembilan dalam bulan Zul-hijjah.
7. Berpuasa sehari dan berbuka sehari (puasa Nabi Daud).

Tambahan: dibolehkan untuk berpuasa pada hari apa sahaja yang di ingini melainkan pada hari yang diharamkan oleh syariat.

Hari-hari yang dimakruhkan untuk berpuasa:

a. Menunggalkan puasa pada hari jumaat: jika puasa sebelumnya (khamis dan sabtu) atau selepasnya (jumaat dan sabtu) maka tidak makruh.

b. Menunggalkan puasa pada hari sabtu.

c. Menunggalkan puasa pada hari ahad.

d. Berpuasa selama setahun berturut-turut.

Hari-hari yang diharamkan untuk berpuasa:

a. Hari pertama pada raya Aidil-Fitri.

b. Hari pertama pada raya AidIl-Adha.

c. Berpuasa pada hari tasyriq (hari ke 11, 12, 13 pada bulan zul-hijjah).

d. Makruh tahrim untuk berpuasa pada hari ke 30 dari bulan Sya'ban.

e. Makruh tahrim untuk berpuasa pada 15 hari terakhir pada bulan sya'ban.

Selesai dari susunan ini yang saya ambil tempoh selama 2 hari untuk siapkan, semoga dengan ringkasnya nota ini akan bermanfaat kepada bangsa kita. Segala yang baik semuanya dari Allah dan segala kekurangan itu saya nisbahkan kepada diri saya yang empunya kekurangan zahir dan batin. Di akhir kata, saya mengijazahkan kitab ini kepada seluruh bangsa saya yang sempat hidup di zaman saya untuk membacanya dan mengajarkannya, semoga ini menjadi penyebab

untuk saya dan guru-guru saya menggapai redha dari Yang Esa, amin ya robbal alamin.

Sekian dari saya,

Mohamad Naim Saidi

Tenaga Pengajar Maahad Darul Faqeh

Sumber rujukan

1. Addalalah Annafiah' 'ala maa'ni risalah jamiah' karangan Habib Saleh Bin Mathran Bukairan Ba Ma'mad.
2. Syarah Risalah Jamiah' karangan syiekh A'lawi Abu Bakar Muhammad as-Saqqaf.
3. Iqna' Syarah Matan Abi Syuja'.
4. Hidayatul Anam Ila Ahkami Azzakati Wa Assiyam Karangan Syiekh Hisyam Kamil Hamid Musa Asy-Syafie
5. Bahjatul Wasail Syarah Masail karangan Syiekh Nawawi Albantani.
6. Kasyifatus Saja Syarah Safinatun Naja Syiekh Nawawi Bantani: Terbitan Darul Kutub Islamiyyah: Cetakan Pertama 2007 Masihi.
7. Ghayatul Muna Syarah Safinatun Naja Syiekh Muhammad Ali Bin Muhammad Ba-A'tiyyah Ad-Dauaniy: Terbitan Darul Fath: Cetakan Pertama 2009 Masihi.
8. Nailur Roja Syarah Safinatun Naja Sayyid Ahmad Bin Umar Asy-Syathiri: Terbitan Darul Fikr: Cetakan Tanpa Tahun.
9. Sullamur Roja Syarah Safinatun Naja Syiekh Uthman Bin Muhammad Said Tungkal Al-Indunisiy: Terbitan Maktabah Mukarromah: Cetakan Tahun 1351 Hirah.
10. Taqrirat Sadidah Syiekh Habib Hasan Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Salim Alkaff: Terbitan Darul Ulum Islamiyyah Indonesia: Cetakan Ketiga 2004 Masihi.
11. Busyrol Karim Syiekh Said Bin Muhammad Ba-I'syan: Terbitan Al-Haromain Cetakan Pertama Tahun 2015.

12. Yaqut Nafis Sayyid Ahmad Bin Umar Asy-Syathiri: Terbitan Muassasah Risalah: Cetakan Pertama 2014 Masihi.

13. Imta' Najib Syarah Matn Ghoyah Wat Taqrib Syiekh Hisyam Alkamil: Terbitan Syiekh Hisyam: Cetakan Kedua 2018 Masihi.

14. Nihayatuzzain Syiekh Muhammad Nawawi Bin Umar Al-Bantani: Terbitan Darul Kutub Islamiah (Indonesia) Cetakan Pertama Tahun 2008.

15. Raudhah Imam Nawawi: Terbitan Maktab Islami: Cetakan Ketiga 1991 Masihi.

16. Manhalul Warif Syarah Mukhtasor Lathif Habib A'lawi Bin Abdullah Bin Husain Al-Id'rus: Terbitan Dar Ad-Dhiya: Cetakan Pertama 2015.

17. Hasyiah Al-Bajuri A'la Ibni Qasim Bagi Imam Ibrahim Bin Muhammad Al-Bajuri: Terbitan Darul Kutub Islamiah (Indonesia) Cetakan Pertama Tahun 2007.

18. Mu'nisul Jalis Syarah Yaqut Nafis Syiekh Mustofa Bin Ahmad Bin Abdunnabi Abu Hamzah Asy-Syafie: Terbitan Dar Tsamarot Ulum: Cetakan Pertama 2020 Masihi.

19. Idaman Penuntut Himpunan Syiekh Abd Ghani Haji Yahya, Terbitan Syarikat Bajrai Cetakan Kelapan 2014 Masihi.

20. At-taudhihat Mukhtasoroh Syarah Risalah Jamiah Mohamad Naim Saidi: Terbitan Darul Azhar Ent: Cetakan Pertama 2019 masihi.

21. Ta’liq A’la Manzumah Al-mufatthirat Mua’soroh Dr Labib Najib: disebarkan melalui pdf dari izin Dr Labib.

Isi kandungan